

# Pastikan dinar tak gugat ringgit — PM

UM 30 JAN 2002  
Oleh JOHARDY IBRAHIM

**P**UTRAJAYA 29 Jan. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu sebarang penggunaan mata wang dinar di peringkat antarabangsa dilaksanakan tanpa mengganggu kestabilan mata wang ringgit.

Beliau yang juga Menteri Kewangan mahu satu kajian menyeluruh penggunaannya diadakan menerusi seminar dan bengkel di peringkat kebangsaan dan serantau.

Saranan Dr. Mahathir itu disampaikan kepada Pengasas World Islamic Mint, Rais Umar Ibrahim Vadillo dalam pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Islamic Mint Sdn. Bhd., Zaitoon Datuk Othman, Ke-

tua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Shamsuddin Dr. Yunus dan Ketua Pegawai Eksekutif e-qirad Sdn. Bhd., Wan Abdul Rahim Kamil.

Menurut Rais, Perdana Menteri telah bersetuju dengan idea mewujudkan matawang sejagat untuk umat Islam yang akan boleh menyatupadukan negara-negara Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Dalam pertemuan itu, katanya, mereka berbincang mengenai pelaksanaan matawang dinar Islam sebagai langkah menamatkan kebergantungan kepada dolar Amerika Syarikat.

Dr. Mahathir, ujarnya, menasihatkan mereka supaya berhati-hati dalam melaksanakan penggunaan matawang Islam.

"Beliau meminta kami melakukan kajian menerusi seminar dan bengkel yang

kami rancang untuk adakan pada Mac ini untuk mengah-lusi kaedah selain mempromosikannya," kata beliau.

Sebagaimana dimaklumi, kata Rais, matawang ringgit adalah bersandarkan kepada dolar Amerika Syarikat.

"Perdana Menteri berpe-san kestabilan matawang ringgit tidak boleh diganggu dengan pengenalan matawang dinar," katanya.

Rais adalah pakar ulung dunia dalam fiqh dan pelaksanaan matawang syariah Islamiah iaitu Dinar Emas Islam (IGD) dan Dirham Perak Islam (ISD).

Beliau juga merupakan pemimpin Pergerakan Mu-rabitun Sedunia dan pengasas World Islamic Mint, pertubuhan yang memelihara piawaian dan menyelaras pengeluaran syiling IGD dan ISD.

Sementara itu, Dr. Shamsuddin berkata, pihak-

nya tidak bercadang meng-gantikan penggunaan ringgit dengan dinar walaupun kemungkinan itu sedang diteliti untuk memastikan menggunakan sepenuhnya IGD.

Menurutnya, sistem kaedah penggunaan IGD telah wujud dan tumpuan sekarang ialah pada aspek memperkenalkan IGD.

Terdapat tiga elemen asas dalam mekanisme dagangan Islam yang memastikan ekonomi dinar boleh berkembang iaitu sistem pembayaran (Dinar, e-dinar.com), Tempat Pasaran (Dinar Market, e-dinarmarket.com) dan Kewangan Dagangan (Qirad, e-qirad.com).

Dinar Emas Islam ialah syiling emas 22K seberat 4.25 gram manakala Dirham Perak Islam ialah syiling perak 99.99 seberat 2.975 gram.